

SPRM tahan lelaki disyaki terima wang daripada orang awam

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lelaki semalam, selepas dipercayai menerima wang daripada orang awam bagi pendaftaran sijil digital vaksinasi COVID-19 palsu dalam aplikasi MySejahtera sekitar Oktober tahun lalu.

Sumber berkata, ahli sindiket berusia 31 tahun itu dipercayai memberi RM2,000 kepada sukarelawan yang bertugas di sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sabah.

Katanya, ia sebagai balasan bagi mendaftar penama yang



S Karunanithy

tidak menerima suntikan dos vaksin COVID-19 mendapatkan sijil digital vaksinasi dalam sistem MySejahtera.

“Suspek ditahan jam 1.30 tengah hari tadi (semalam) di pejabat SPRM Kota Kinabalu susulan operasi di daerah itu,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

“Permohonan reman dijangka akan dibuat esok (hari ini) di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu,” katanya.